

DATE: 05/04/2008

Kritikan Dr. M perlu dihentikan – Nazri

PARIT BUNTAR 4 April - Tindakan Tun Dr. Mahathir Mohamad yang terus 'menyerang' Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi secara terbuka sejak pilihan raya umum lalu akan menghancurkan UMNO.

Ahli Majlis Tertinggi (MT) UMNO, Datuk Seri Mohamad Nazri Abdul Aziz berkata, perbuatan bekas Perdana Menteri itu mesti dihentikan kerana ia mula memecah-belahkan parti.

Beliau menegaskan, ketika parti pembangkang semakin bersatu dan kukuh, sepatutnya semua ahli UMNO semakin kuat untuk terus mempertahankan Abdullah selaku Presiden parti dan Perdana Menteri.

"Dulu dia kata menang satu kerusi pun tetap menang. Macam mana pula sekarang Abdullah kena letak jawatan, inilah dia yang dikatakan Melayu mudah lupa," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan bantuan ehsan kepada mangsa ribut di daerah Kerian di sini hari ini.

Beliau mengulas tindakan Dr. Mahathir yang lantang menyatakan Abdullah patut memikul tanggungjawab bagi prestasi buruk Barisan Nasional (BN) pada Pilihan Raya Umum Ke-12 pada 8 Mac lalu dengan melepaskan jawatan.

Beliau hilang majoriti dua pertiga dalam Parlimen selepas menang 140 kerusi daripada 222 kerusi Parlimen manakala pembangkang memenangi 82 kerusi.

BN juga gagal mengekalkan kerajaan negeri di Kedah, Pulau Pinang, Perak dan Selangor selain tidak dapat merampas kembali Kelantan daripada Pas.

Mengulas lanjut, Mohamad Nazri berkata, sewaktu Dr. Mahathir memimpin parti dan negara antara 1990 hingga 1999, BN juga kalah di Kelantan dan Terengganu.

Bagaimanapun, katanya, tiada sesiapa pun meminta beliau meletakkan jawatan malah semua pihak tetap bersama beliau dan sanggup bersama untuk memikul tanggungjawab.

"Sekarang Perdana Menteri sudah menyatakan kesanggupan untuk memikul tanggungjawab maka kita berilah dia peluang," katanya.

Mohamad Nazri juga mendakwa bahawa UMNO sebuah parti yang kuat tetapi telah cedera disebabkan oleh Dr. Mahathir

sejak sekian lama.

Jelas beliau, UMNO pernah berpecah dua pada 1990 selepas Mahathir campur tangan dalam pemilihan Timbalan Presiden UMNO antara Tengku Razaleigh Hamzah dengan Tun Musa Hitam.



MOHAMAD NAZRI

Katanya, selepas itu, Dr. Mahathir juga membuatkan UMNO retak pada 1998 apabila berkrisis dengan Datuk Seri Anwar Ibrahim yang mencetuskan pergerakan reformasi rakyat serta punca perpecahan UMNO.

"Sekarang masa Abdullah, dia nak buat lagi. Sebenarnya yang buat UMNO hancur adalah Mahathir. Kalau semua perkara itu tidak berlaku maka UMNO tetap kuat hingga sekarang.

"Kalau duduk satu rumah tetapi bergaduh dengan empat orang, kita sebenarnya sudah tahu siapa yang salah. Jadi saya minta Dr. Mahathir berhenti buat kerja macam itu," ujar beliau.

Di KUALA LUMPUR, Menteri Penerangan, Datuk Ahmad Shabery Cheek terkilan dengan kenyataan Mahathir yang mendakwa ahli UMNO tidak berani membincangkan prestasi buruk parti itu pada pilihan raya umum lalu.

Beliau mengingatkan bekas Perdana Menteri itu agar lebih berhati-hati ketika mengeluarkan sesuatu kenyataan.

"Kita tidak mahu UMNO terkubur dengan kenyataan sedemikian kerana ia boleh memberi impak kepada apucuk pimpinan parti dan rakyat.

"Mahathir harus sedar dan memikirkan kepentingan rakyat dan UMNO sebelum meluahkan kenyataan seperti ini," katanya kepada pemberita selepas menghadiri perhimpunan bulanan Kementerian buat kali pertama di Auditorium Perdana, Angkasapuri di sini hari ini.

Beliau diminta mengulas kenyataan Dr. Mahathir semalam yang mendakwa pemimpin UMNO tidak berani mengadakan mesyuarat agung luar biasa (EGM) untuk membincangkan prestasi buruk parti itu pada Pilihan Raya Umum Ke-12 bulan lalu.

Tambah Ahmad Shabery, Dr. Mahathir pernah melaksanakan beberapa peraturan yang luar biasa semasa menyandang jawatan Perdana Menteri dan Presiden UMNO.